

Injil sering ceritakan mukjizat-mukjizat yang dilakukan oleh Yesus dalam karya-Nya, masalahnya kita senang sesat dan salah tafsir mesej disebalik cerita-cerita itu. Walaupun Kristus melimpahkan belas kasihan-Nya dan memulihkan mereka yang mengalami kesakitan fizikal, tujuan-Nya bukan semata-mata untuk memberikan kesihatan tubuh. Dia berharap keimanan mereka kepada-Nya akan diperkuatkan juga apabila badan mereka disembuhkan, justeru itu mereka memiliki kekuatan untuk mencari kesejahteraan jiwa dalam perjalanan ke kehidupan baru di dalam-Nya. Di dalam bacaan hari ini, ibu kepada isteri Simon tergesa-gesa memberi perkhidmatan kepada Tuhan setelah demamnya disembuhkan, ini menunjukkan keinginan mereka yang disentuh oleh Kristus untuk memberikan diri mereka bagi kegunaan kehendakNya. Injil hari ini juga memberitahu bahawa semakin ramai orang yang sedang mencari Tuhan, secara langsung menunjukkan kepentingan keajaiban-keajaiban ini dalam membuktikan kuasa Tuhan.

Apabila kita mendengar tentang mukjizat-mukjizat ini, yang berakhir dengan pengembalian Lazarus oleh Yesus dalam perjalanan terakhirnya ke Yerusalem, kita harus was-was dengan sikap kita yang tidak peduli. Mereka bukanlah cerita semata-mata dan bersifat simbolik. Dan daya tarikan serta kuasa mereka tidak sepatutnya kehilangan kesannya kepada kita hanya kerana kami telah sering mendengarnya sebelum ini. Kita harus berusaha mendapat ilham daripada harapan mereka yang menyaksikan sendiri mukjizat-mukjizat itu: Satu harapan bahawa Tuhan akan bersama kita, semasa kita menderita untuk meredakan kesakitan kita; Satu harapan di mana, Tuhan bukan sahaja boleh menyembuhkan kesihatan badan dan jiwa kita malah menguatkan keimanan kita; Satu harapan bahawa, kita boleh menjadi saksi kepada kekuatan cinta Tuhan pada semua manusia di sepanjang hidup kita; dan satu harapan apabila badan kita sampai ke akhir riwayatnya, ia akan diubah oleh Kristus ke dalam kehidupan yang akan datang, sama seperti kita mengesahkan jiwa kita kepada Kristus dalam kehidupan ini.

Dan dalam pemberian doa kita, banyak yang boleh dipelajari dari mukjizat-mukjizat yang berlaku di Kapernaum. Pertama sekali, keimanan mesti diberi kepentingan mendahului sebarang permintaan-permintaan untuk bantuan ilahi, dan ia tidak bermaksud dalam keimanan kepada Allah semua keinginan anda akan dipenuhi, tetapi keimanan bahawa Tuhan akan menjalinkan persekutuan yang lebih dalam dengan anda dalam kasih-Nya. Kedua, dalam semua situasi kehidupan, samada baik atau sebaliknya, kita harus dalam doa kita sentiasa bersyukur kepada Tuhan atas harapan yang Dia berikan, harapan yang membimbing kita di sepanjang hidup menuju ke dunia keabadian bersama-Nya. Ketiga, kita harus perihatin dalam pengertian bagaimana Tuhan menjawab doa kita. Jawapan-Nya terhadap permohonan-permohonan kita tidak semestinya memenuhi keinginan kami tetapi ia memastikan penyelamatan kita. Akhirnya, dalam segala permintaan kita, kita harus memastikan kesejahteraan rohani kita didahulukan, seperti yang diajar oleh Yesus mengenai kebimbangan dunia ini, "Sebab itu janganlah kamu kuatir dan berkata, Apakah yang akan kita makan? Apakah yang akan kita minum? Apakah yang akan kita pakai? Semua itu dicari bangsa-bangsa yang tidak mengenal Tuhan. Akan tetapi Bapamu di syurga tahu, bahawa kamu memerlukan semuanya itu. Tetapi carilah dahulu Kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya, maka semuanya itu akan ditambahkan kepadamu." (Matius 6:31-33) †

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Harapkan Kesihatan



Kita telah menjadi saksi, sejak beberapa minggu yang lalu, kepada kerja-kerja Tuhan yang menakjubkan yang diceritakan oleh Rasul Markus. Kita telah melihat belas kasihan yang agung yang dimiliki Yesus terhadap penderitaan manusia, serta keinginan-Nya untuk menyembuhkan penyakit mereka. Tetapi kita juga mengetahui, melalui ajaran-ajaran dan mukjizat-mukjizat-Nya, segalanya menuju kepada matlamat yang lebih besar iaitu penebusan. Keinginan-Nya bukan semata-mata memulihkan kesihatan tubuh badan yang terseksa, tetapi untuk mengembalikan kehidupan mereka yang menjadi hamba atas dosa dan kematian mereka.

Untuk mencapai matlamat, kasih sayang terhadap manusia yang menderita diperlukan, begitu agungnya ia bukan sahaja meringankan kesakitan mereka malah merangsangkan keinginan mereka untuk menanggung penderitaan itu dengan badan-Nya sendiri. Inilah kasih sayang yang dicurahkan dalam setiap penyembuhan ajaib di dalam Injil-Injil - kasih sayang yang tidak terhingga sehingga Dia sudi menderita dan mati kerananya. Tetapi untuk penebusan ini berlaku, tujuan yang sebenar mesti disembunyi sehingga masa yang ditetapkan. Oleh sebab itu, kita membaca di dalam Injil-Injil Yesus berulang-kali menyaran supaya tidak mengheboh-hebohkan tentang mukjizat-mukjizat yang telah dilakukan. Seperti yang dijelaskan oleh Rasul Paulus, "Tetapi yang kami beritakan ialah khidmat Tuhan yang tersembunyi dan rahsia, yang sebelum dunia dijadikan, telah disediakan Tuhan bagi kemuliaan kita. Tidak ada dari penguasa dunia ini yang mengenalinya, sebab kalau sekiranya mereka mengenalinya, mereka tidak menyalibkan Tuhan yang mulia." (1 Korintus 2: 8-9).

Oleh sebab itu, Yesus mengajar dalam perumpamaan dan mengarahkan semua orang, dari roh-roh jahat dan mereka yang sembuh daripada penyakit, kepada murid-murid-Nya, supaya tidak mengatakan apa-apa pun yang akan mendedahkan identiti-Nya. Hanya selepas kematian Yesus, kebangkitan-Nya akan membongkar 'rahsia Mesianik' ini dan memberi makna dan tujuan sebenar kepada ajaran-ajaran dan keajaiban-keajaiban terakhir yang Dia lakukan. Kita boleh menyimpulkan bahawa, tanpa kematian di salib dan kebangkitan Yesus, Karya Yesus tidak dapat difahami dengan kepenuhan, dan kita tidak boleh dikatakan sebagai pengikut Kristus sejati selain daripada mengikuti Dia ke salib.

Oleh itu, wajar bahawa Injil hari ini adalah bacaan kita yang terakhir sebelum permulaan musim Lent. Ia mengingatkan kita supaya tidak menjadi penonton yang berkumpul untuk menyaksikan keajaiban Yesus, kemudian menyambut Dia dengan tangan terbuka memanggil-Nya sebagai raja, hanya untuk melaung "Salibkan dia!" beberapa hari kemudian. Ia mengingatkan kita untuk menaruhkan harapan melangkaui gembar-gembur, jangan menjadi penganut Kristian yang penuh bersemangat apabila segala itu baik tetapi bersikap acuh tak acuh dan runtuhnya rohani kita apabila lebih banyak yang dituntut daripada kita. Jika semua orang yang menyaksikan keajaiban-keajaiban itu berada di sana untuk salib, penyaliban Anak Tuhan tidak akan menjadi seperti satu tablo yang tidak bermakna.

Oleh demikian, dalam persediaan kami untuk memasuki musim Lent, marilah kita mengukuhkan harapan kami untuk hari yang datang. Jika musim Lent di mana kita berpuasa ini adalah satu perjalanan bersama dengan Kristus ke salib, kita harus berpegang teguh kepada harapan yang telah diberikan kepada kita. Kerana kita hidup dalam masa yang ditetapkan, di zaman keselamatan, dan diberitahu tentang rahsia Mesianik bahawa Yesus Kristus adalah Firman yang abadi, Anak kepada Tuhan, dan di sebalik salib terletaknya makam pengebumian dari mana Dia bangkit dari kematian membawa kehidupan kepada mereka yang berharap di atas nama-Nya. †

Menjadi Murid-Murid Harapan

11 Februari 2018
Hari Minggu Biasa Ke-6

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH



HARAPAN

Yang Melangkaui
Gembar-gembur

Catatan Rasul Markus tentang godaan Kristus di padang belantara merupakan injil yang terpendek di antara injil-injil tetapi peristiwa ini tidak kurang kepentingannya dalam kehidupan Penyelamat. Yesus telah menjauhkan diri-Nya daripada penipu dengan memanggil manusia sejagat untuk bertobat dan beriman. Dia muncul dari padang pasir menjadi seorang yang berfikiran, berpengalaman dengan muslihat licik Syaitan terhadap manusia dan membawa mesej penting yang bergema melandasi masa sehingga ke zaman kita. Ia bukan satu mesej untuk mengutuk tetapi bersifat belas kasihan yang mendalam, terhadap Syaitan dan godaan-godaannya yang jahat dan berlimpah ruah, kerana Dia tahu akan daya-tarikannya.

Dia datang untuk kita dari padang pasir bukan untuk menghakim tetapi untuk membuat penebusan; dan panggilan-Nya dalam musim Paskah ini menuju pada kehidupan kita: *Berdoa dan memeluklah Berita Baik keselamatan anda jauh dari dosa dan kematian.*

Berpalinglah kepada-Ku dan diselamatkan - inilah firman Tuhan hari ini. Ia sememangnya sebegitu mudah. Dia mengetahui setiap dosa kita tetapi tidak satu pun Dia senaraikan. Dia tidak menyediakan satu senarai penghukuman terhadap setiap kesalahan kita. Sebaliknya, Dia berkata datanglah sebagaimana anda sekarang; hukuman terhadap dosa-dosa kalian sudah Aku tanggungkan. Inilah intipati keimanan yang benar - kosongkan diri sendiri, dosa dan semuanya, dan digantikan dengan cinta Tuhan. Untuk setiap dosa, yang mana roh-roh kita sepatutnya menderita dalam kekesalan dan kutukan, Tuhan telah menawarkan pengampunan dan keamanan tanpa syarat. Yang diminta daripada kita hanyalah peralihan dan kepercayaan kepada Tuhan serta penerimaan belas kasihan yang melimpah daripada-Nya. Jika hanya kita dapat melihat Kristus di dunia di sekeliling kita dan memperolehi kekuatan daripada-Nya untuk menolak godaan-godaan Syaitan.

Oleh itu, panggilan dalam musim Paskah untuk berpuasa: bukannya hukuman untuk kesalahan kita, tetapi untuk menguatkan keazaman kita untuk Tuhan. Penebusan bukanlah satu balasan atas kesalahan kita pada masa lalu, sebaliknya ia bagaikan penyulinan diri supaya kita tinggalkan cara hidup yang lama dan tingkatkan keimanan diri. Ramai yang meninggalkan Kristus dan Jemaat kerana takut beban dosa mereka akan membawa kutukan. Yang lain pula menyembunyikan dosa mereka di dalam jiwa, dengan harapan Tuhan tidak akan perasan. Mereka telah gagal menghargai harapan yang ditawarkan oleh Kristus dalam musim Paskah ini. Dalam persemukaan Yesus dengan Syaitan, walaupun Dia berjaya menolak godaan-godaan jahat yang ditawarkan, Dia mengetahui akan kekuatan dan kelemahan mereka dalam percubaan itu. Tujuan Dia menyeru kita untuk bertukar bukan untuk menegur kita, tetapi memberitahu kita bahawa adanya jalan keluar dari padang belantara.

Dalam sembahyang tengahari sepanjang musim Paskah, kita sering menyanyi, "Sepanjang hidup saya, kata Tuhan, saya tidak senang hati dengan kematian orang yang jahat; sebaliknya biarlah dia berpaling dari jalan kejahatan ke jalan yang membawa kehidupan." Oleh itu, marilah kita berpaling dengan penyesalan dan keteguhan di hati, dan dikukuhkan oleh penebusan musim Paskah, ke arah Tuhan yang menjadi pedoman dalam perjalanan kita melalui padang belantara untuk ganjaran kehidupan kekal Dia.✠

Menjadi Murid-Murid Harapan

18 Februari 2018
Hari Minggu Paskah Ke-1

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH



HARAPAN
telah beralih kepada DIA
yang menyelamatkan

W Sementara Transfigurasi Tuhan mempunyai pesta tersendiri pada hari ke-enam bulan Ogos setiap tahun, misteri ini diulangi semula dalam persiapan musim Paskah kita untuk merayakan Trihari Paskah atas kepentingannya dalam kisah Karya Kristus, dengan harapan Wahyu-Nya menyediakan mereka yang menemani Kristus di perjalanan ke salib. Transfigurasi diulangkan lagi tiga kali dalam injil-injil sejourus selepas pengakuan Peter, membalas kepada pertanyaan Kristus, "Siapa kamu berkata saya?" Petrus menyatakan, "Engkaulah Kristus, Anak Tuhan," menandakan titik perubahan dalam hubungan Yesus dengan pengikut-pengikut-Nya. Mereka tidak lagi menganggap Dia sebagai 'guru' atau 'tuan', sebaliknya mereka mengakui Dia adalah Mesias yang dinanti-nantikan, Dia yang diurapi Tuhan, penyelamat umat Tuhan yang dijanjikan, sebagaimana yang dinubuatkan dari zaman dahulu. Namun, Yesus mengetahui mereka tidak dapat memahami sepenuhnya keseluruhan-Nya dan takdir-Nya sebagai Kristus.

Pada masa yang sama, Yesus mula mengajar pengikut-pengikut-Nya dengan bersungguh-sungguh mengenai kematian-Nya yang akan datang, mendedahkan Rahsia Mesianik yang akan mendalamkan pemahaman mereka tentang Mesias dan maksud penebusan. Transfigurasi itu merupakan sebahagian daripada proses pewahyuan: bahawa Yesus bukan manusia biasa, sememangnya bukan 'anak tuhan' yang biasa di mata makhluk yang fana; bahawa Yesus adalah Tuhan, sesama dan abadi dengan Bapa yang mengutus Dia; bahawa manusia ciptaan Tuhan ini telah datang untuk dikorbankan, kerana hanya melalui kematian-Nya, penghambaan manusia kepada kematian akan berakhir; dan manusia ciptaan Tuhan ini akan membangkit dari kematian untuk memulihkan kehidupan bagi semua orang yang mengikuti-Nya dalam iman ke kerajaan-Nya yang kemuliaan abadi. Ia memang sukar difahami bagi pengikut-pengikut-Nya; Walaupun mereka menyaksikan Dia diseret sehingga dihukum mati, dan diberitahu oleh wanita di kalangan mereka tentang berita yang mengejutkan bahawa makam-Nya yang kosong pada hari Ahad Paskah. Namun demikian, pengikut-pengikut-Nya telah memberikan keterangan mereka, kerana mereka "telah melihat kemuliaan-Nya, yaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran." (Yohanes 1:14). Dan keterangan mereka adalah saksi suci bagi Rahsia Mesianik yang mereka baru fahami; satu kebenaran yang mereka kongsi dengan kita supaya kita jangan sekali meragui keselamatan yang ditempa untuk kita oleh Kristus.

Kami mempunyai keistimewaan untuk melihat melalui mata yang diterangi. Maka di dalam perwahyuan kemuliaan-Nya pada malam Transfigurasi-Nya, tidak diragukan apabila Bapa berbicara langsung kepada kita: "Inilah Anak yang Kukasihi, dengarkanlah Dia." (Markus 9:7)

Ia adalah sangat mudah bagi kita untuk terjebak dalam penungguan kegembiraan Paskah tanpa mendengar Kristus dalam perjalanan ke kematian-Nya di Yerusalem. Sama seperti tidak ada Paskah tanpa Kasta, begitu mudahnya bagi kita untuk melupakan bahawa kemenangan Kristus pada Paskah tidak terletak di puncak Gunung semasa Transfigurasi tetapi di bukit Golgota.

Di perjalanan dalam musim Paskah, mari kita mendengar pengajaran Kristus dan menyaksi bersama-sama pengikut-pengikut-Nya terhadap panggilan-Nya untuk memikul salib kita sendiri setiap hari dan mengikuti-Nya dalam perjalanan ke Salib; kerana sifat kemuliaan yang dikongsi oleh Kristus kepada kita sudah ditempa oleh-Nya. Transfigurasi itu seharusnya memperkuat semangat kita ketika kita memikul salib yang diberikan dalam kehidupan ini; dan visi kemuliaan-Nya menjadi penawar apabila kita tawar hati. Kerana kemuliaan-Nya, hari ini kita dapat menghargai bagaimana penyertaan kita dalam penderitaan Kristus adalah penyertaan dalam pekerjaan penebusan-Nya untuk diri kita sendiri dan semua yang akan berpaling kepada-Nya dalam kasih sayang. Dalam kata-kata Paus Santo Leo Agung:


"Oleh itu, contoh yang dibagi oleh Tuhan memanggil iman orang-orang yang percaya untuk memahami bahawa, jangan-jangan ragu terhadap janji dalam kebahagiaan, kita harus demikian, dalam ujian kehidupan ini, meminta kesabaran sebelum kemuliaan; kebahagiaan dalam kerajaan tidak boleh, mendahului masa dalam penderitaan." (Leo Agung, Khotbah 38,4) †

Menjadi Murid-Murid Harapan

25 Februari 2018
Hari Minggu Paskah Ke-2

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH



Dengarkan Suara Harapan